

**MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI****KENYATAAN TAWARAN**Tarikh Iklan: 02/12/2025

Sebut harga adalah dipelawa daripada Kontraktor yang memiliki Sijil-sijil berikut **Sijil Pendaftaran Kontraktor Majlis Daerah Kota Tinggi, Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), Sijil Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia (Bumiputera)** oleh KKM dan **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dalam **Gred dan Kategori** yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja sebagaimana berikut:

BIL	JENIS KERJA	BILANGAN SEBUT HARGA	KELAS	HARGA BORANG SEBUT HARGA (RM)
1.	KERJA PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR DAN BANGUNAN-BANGUNAN MILIK MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI BAGI TAHUN 2026 (IKLAN SEMULA)	MDKT/JK/MDKT(VE)/2026/07	G2/CE21	50.00

Naskah Sebut Harga boleh disemak di jabatan berkaitan pada waktu pejabat bermula pada **02/12/2025 (SELASA)**. Taklimat dan lawatan tapak (sekiranya ada) adalah **DIWAJIBKAN** dan **wakil tidak dibenarkan**.

Dokumen tawaran sebut harga boleh dimuat turun dalam Portal ePerolehan MDKT eperolehan.mdkt.gov.my mulai **02/12/2025 (SELASA)** sehingga **08/12/2025 (ISNIN)** selepas pembayaran dibuat.

Harga bagi dokumen tawaran sebut harga adalah sebagaimana dalam jadual di atas. Pembayaran mestilah dalam bentuk Bayaran Secara Atas Talian melalui **eKhidmat, PBTPay** atau **wang tunai**.

Dokumen tawaran sebut harga yang tidak mempunyai 'barcode' adalah tidak sah dan tidak akan diterima. Dokumen tawaran sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi dengan menggunakan sampul surat bermeteri. Tarikh tutup sebut harga adalah pada **08/12/2025 (ISNIN)** pada jam 12.00 tengahari.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"SEDIA MEMBANTU MUDAH URUSAN"

Saya yang menjalankan amanah,

(KHAIRUL HAZIZ BIN MOHAMAD @ MAZLAN)

Yang Dipertua,
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI.

Salinan untuk pameran :

1. Pejabat Daerah Kota Tinggi
2. Jabatan Kerja Raya Kota Tinggi
3. Jabatan Pengairan Dan Saliran, Kota Tinggi

